

Dari Asia Barat ke Asia Tenggara



Oud ialah alat muzik tradisional dari Asia Barat, jenis kordofon tanpa fret, yang menghasilkan bunyi melalui susunan tali yang bergetar apabila dipetik. Alat muzik ini terkenal di Malaysia, khususnya di Johor dan Sabah.

Oud, dalam bahasa Arab, bermaksud kayu atau ranting atau tangkai yang mudah lentur atau dengan kata lain, "sepotong kayu". Orang Arab mengadaptasikan istilah ini untuk membezakan oud, berdasarkan penggunaan kayu bagi bod suara, daripada alat muzik barbat, yang berasal dari Parsi yang menggunakan kulit. Pada abad ke-14, Ibn Khaldun menyatakan bahawa barbat telah wujud terdahulu daripada oud dan nama barbat merujuk panggilan bagi pemetiknya.

Oud disebut sebagai gambus di gugusan Tanah Melayu (Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura). Di Yaman, terdapat alat muzik yang disebut sebagai gambus. Alat muzik ini menggunakan sistem penalaan dan tali yang serupa dengan oud serta menghasilkan suara yang mirip dengan oud dari negara Asia Barat yang lain. Ciri yang membezakan alunan gambus daripada pelbagai alat muzik yang lain bukannya pada bunyi yang dihasilkan, tetapi maqamat yang dimainkan.

Evolusi Gambus

Gambus, secara tidak langsung, menjadi lebih sinonim kepada barbat dengan adanya sistem idea apabila satu istilah merujuk satu istilah yang lain semula. Kisah rujukan gambus ialah barbat jelas disebut oleh penulis

Andalusia pada abad ke-10.

Ibn Abd Rabbihi membuktikan bahawa perbezaan kayu dan kulit sudah tidak lagi diambil kira. Penulis lain, seperti Ibn Sina dan Ibn Khaldun, memuatkan gambus di bawah tajuk barbat apabila membicarakan sifatnya.

Ada dua versi dari abad kesembilan oleh orang Iraq dan abad ke-10 oleh orang Iran tentang pemindahan istilah bagi alat muzik lyre dan gambus yang wujud secara tidak ketara dalam mitos penemuannya. Gambus dicipta oleh Lamak, daripada keturunan Cain. Kerana kematian anak lelakinya, dia menggantungkan sisanya di sebatang pokok. Peninggalan rangka tersebut mengilhamkan bentuk gambus. Kontradiksi antara penelitian arkeologi dengan tradisi mitologi ialah yang terdahulu mengambil proses evolusi daripada lyre kepada lut, disahkan oleh organologi.

Terdapat perbandingan yang, secara amnya, menyifatkan adanya asal usul gambus dan pipa melalui legenda orang Cina. Mereka mengatakan bahawa pipa dicipta atau dimodifikasi daripada alat jenis ziter orang Cina yang terdahulu, iaitu zheng dan zhu. Hal ini membuktikan bahawa evolusi daripada lyre kepada gambus atau daripada ziter kepada gambus telah wujud di Asia Timur.

Wujudnya gambus di panggung sejarah menimbulkan berbagai-bagai persoalan yang kompleks. Ibu Sina berpendapat bahawa perkembangan gambus dihubungkan dengan penyebaran pengikut sistem agama dualistik – Manicheisme dan dengan ciptaan Manes sendiri. Teori ini, secara logik, dikemukakan kerana pengikut Manes menggalakkan iringan muzik dalam jabatan agama mereka.

Di China, misi mereka meninggalkan jejak perhubungan di antara Barat dengan Timur dilihat pada lut yang berleher pendek mirip gambus. Namun begitu, pusat peralihan terletak di selatan Iraq kerana gambus seharusnya berkembang ke arah Semenanjung Arab pada abad ketujuh dan menalar ke sebelah barat melalui Andalusia.

Pada abad ke-15, pertukaran budaya berlaku antara pedagang dari Timur dengan masyarakat di Tanah Melayu, khususnya di bahagian selatan semenanjung. Tarian dan seni muzik menjadi sebahagian daripada pertukaran ini apabila pedagang tersebut berhibur bagi mengisi masa lapang dan bukannya membuat persembahan sebagai pemuzik yang mempunyai kemahiran tinggi. Penduduk tempatan juga mempelajarinya melalui cara meniru kesenian yang dimainkan oleh pedagang ini. Antaranya termasuklah cara

ctr.no = 0000 274825 11
ART 2016/A12

Arts & Literature - Music Industries

Pg : 10-16

gambus dimainkan yang kini menyebabkan alat muzik itu menjadi alat muzik utama bagi seni budaya Melayu-Arab di Malaysia, seperti muzik zapin dari Johor.

Di Malaysia, khususnya di Johor, gambus digunakan oleh kumpulan tradisional dan kumpulan muzik gaya Arab yang mengiringi nyanyian serta tarian zapin. Dalam hal ini, gambus menjadi alat utama, di samping alat muzik dari negara Arab yang lain, seperti marwas dan qanun. Sebahagian besar daripada persembahan ini diadakan ketika majlis keramaian atau upacara berbentuk keagamaan.

Bentuk dan Jenis Gambus

Perbezaan antara gambus Arab dengan gambus Turki secara amnya dari segi kecenderungan sifat gaya bunyi. Gambus Turki menghasilkan bunyi yang sangat nyaring dan lebih bergema berbanding dengan gambus Arab yang menghasilkan bunyi yang lebih mendap dan kurang

bergema. Walau bagaimanapun, terdapat variasi gambus Arab dan Turki yang berbeza-beza produksi bunyinya. Kebanyakan gambus antara kedua-dua gaya ini mempunyai enam tali, tetapi pada masa ini, terdapat banyak gambus Arab yang mempunyai tujuh tali, yang biasanya gambus jenis Iraq dengan penggunaan pelana mudah alih.

Dua Tali

Tesis kewujudannya sudah ditegakkan oleh ahli muzikologi dari Eropah dan Parsi yang mempertahankan tanggapan tentang kewujudannya, membayangkan gambus kuno sebagai saingan kepada alat muzik *buzuq* atau tar dari Iran, yang mempunyai dua utas tali, seperti alat muzik tersebut. Perbalahan ini bersandar pada nama talinya. *Bam* dan *zir* ialah istilah yang digunakan di Iran, manakala *mathna* dan *mathlath* dari negara Arab. Hingga kini, masih belum ada bukti bahawa penjelasan ini

mungkin didokumentasikan bagi menyokong andaian tersebut.

Empat Tali

Orang Arab menyebutnya sebagai *qadim* atau gambus kuno. Hal ini mengundang spekulasi ahli kosmologi apabila menghubungkan tali dengan sifat musim, zodiak, elemen, jenaka, suhu dan mata angin. Pada abad kesembilan, al-Kindi memperkenalkan kaedah penalaan gambus empat tali daripada bes kepada *trebble* dengan menala tali yang paling rendah *bam* atau tali pertama kepada nada paling rendah yang sesuai.

Ikhwan al-Safa memberikan fahaman yang bertentangan. Gambus dilaraskan daripada tali paling tinggi, *trebble*, kepada bes. Gambus jenis empat tali ini dianggap sebagai alat *bikorda* kerana sifatnya yang mempunyai dua gandaan tali. Pada abad ke-13, visual simbolik menunjukkan bahawa sudah menjadi kebiasaan untuk memasang gandaan tali pada waktu itu yang bukan sahaja

membolehkan perkembangan kualiti bunyi yang lebih baik bagi jenis persembahan secara virtuoso, tetapi juga bagi meningkatkan kemerduan suara alat muzik ini.

Gambus jenis empat tali ini masih bertahan di Tunisia hingga kini. Di Maghribi, talinya dinamai *dhil*, *ramal*, *maya* dan *hsin*. istilah ini merujuk ketetapan nada tertentu, seperti yang dikehendaki oleh ahli akademik bagi mempraktikkan kaedah pembelajaran yang seragam dan boleh menggunakan pelbagai sistem penalaan.

Lima Tali

Antara abad kelapan hingga kesembilan, penambahan tali kelima diilhamkan oleh Zeryab di Andalusia. Penambahan tali kelima ini dikenali sebagai *awsat* (perantara) oleh Zeryab. Gambus lima tali ialah model yang paling biasa dan paling popular dalam kalangan pemainnya. Gambus ini juga disebut sebagai gambus *misri* yang bermaksud gambus dari Mesir kerana diperbuat dengan telitinya pada ketika itu oleh pakar pembuat gambus dari negara itu, yang dikatakan menjualnya sehingga Tanzania di timur Afrika. Bahasa daerah *m'sharqi* atau *mashriqi* yang bermaksud "dari sebelah Timur" diilhamkan oleh orang dari utara Afrika. Ada kajian yang mengatakan bahawa dalam teori penulisan, penambahan tali kelima muncul di Iraq melalui al-Kindi.

Enam Tali

Gambus enam tali dikatakan telah ditemukan di utara Afrika oleh Jules Rouanet, ahli pengetahuan muzik yang bekerja di Algeria pada awal abad ke-20. Di Syria, satu alat muzik mirip gambus telah ditemukan – mempunyai lima utas

tali berganda serta satu tali yang rendah dilaraskan dengan C, E, A, D, G dan C. Laras gambus jenis ini tetapi juga bagi meningkatkan kemerduan suara alat muzik ini.

Dengan adanya tambahan tali keenam ini, had keluasaan notasi yang terdapat melalui kaedah penalaan menjadi lebih terbuka dan proses bermain menjadi lebih mudah, membolehkan pemain menggunakan tiga oktaf tanpa sekatan. Tali keenam ini juga digunakan sebagai dron, satu daripada faktor utama dalam teknik permainan masa ini.

Tujuh Tali

Model gambus tujuh tali (penggunaan enam pasang tali dan satu tambahan tali yang rendah) ditemukan di Iraq dan Mesir seawal abad ke-19. Kaedah penalaannya lebih kompleks daripada kaedah penalaan gambus yang lain. Pemain gambus terkemuka dari Iraq, Naseer Shamma, pakar gambus tujuh tali pada abad ini. Talaan gambus tujuh tali ialah C F A D G C F (daripada bes kepada *trebble*). Menurut Mikha'il Mushaqa, hanya empat daripada tujuh tali dimainkan. Tali yang paling rendah (*jaharka*) dan dua tali yang paling tinggi (*busalik* dan *nihuff*) tidak digunakan semasa bermain. Pada abad ini, semua tali digunakan sepenuhnya semasa persembahan.

Simbolisme Tali Gambus

Pada zaman Zeryab, empat tali gambus dikaitkan kepada empat watak yang mewakili sifat dalam tubuh manusia. Tali pertama berwarna kuning melambangkan merah. Tali kedua berwarna merah mewakili darah. Tali ketiga berwarna putih dilambangkan sebagai kahak. Tali keempat

berwarna hitam bagi simbol melankolik. Zeryab menambah tali kelima di antara tali kedua dengan tali ketiga yang juga berwarna merah bagi melambangkan jiwa.

Anatomi Gambus


Gambus terdiri daripada beberapa bahagian penting. Bahagian bod suara bersambung ke bahagian pemegang. Bahagian muka gambus yang mendarat mengandungi satu atau lebih lubang bunyi yang menyumbangkan 80 peratus daripada faktor bunyi keseluruhan.


Bahagian belakang yang berbentuk seperti mangkuk dibina daripada sekitar 21 bilah kepingan kayu tipis yang dikenali sebagai rusuk. Menurut Ikhwan al-Safa, bahagian belakang yang bulat melengkung ini sangat kuat. Permukaan muka yang mendarat dikenali dengan nama *batn*, *sadr* atau *wajh*, diperbuat daripada kayu yang ringan yang harus menghasilkan gema apabila dimainkan.

Tali diikat pada pelana di atas bod suara yang menampilkan gaya tersendiri yang sangat jelas, yang membezakannya daripada keluarga lut yang berleher panjang seperti *buzuq* dari Syria, *tanbur*, atau *saz* dari Turki, dan *setar* dari Parsi.

Badan

Bentuk bahagian badan gambus sudah menjalani proses evolusi daripada bentuk asal yang bulat kepada bentuk seperti buah pear. Gambus berbentuk bulat yang asal digambarkan oleh al-Kindi pada abad kesembilan apabila badan oud dibayangkan sebagai bola yang dibahagikan kepada dua. Kemudian sistem pembahagian secara tersusun dan lebih sistematis disarankan oleh Ikhwan al-Safa pada abad ke-10.





Unsur Papan Muka

Kayu yang berkualiti, tahan lama, ringan, dan telah dikeringkan sepenuhnya digunakan untuk bahagian ini. Kepekatan penghasilan bunyi bergantung pada ketebalannya supaya tali yang direntang dapat bergetar dengan baik dan seragam.

Rangka Tetulang

Di bahagian bawah papan muka, terdapat beberapa bilah kayu tipis yang melintang yang ditempatkan secara lurus untuk bertindak sebagai rangka tetulang yang menjadikan papan muka ini lebih kuat dan tahan lama. Dari segi intensiti dan kekuatan bunyi bahan, dimensi serta kedudukan rangka tetulang ini mampu menghasilkan bunyi yang berbeza-beza.

Lubang Bunyi

Pada awalnya, terdapat hanya satu lubang bunyi utama (besar) atau

kadangkalanya kulit kerang, berkedudukan di antara pelana dengan lubang bunyi besar, berfungsi melindungi bod suara daripada petikan *risha* (pemetik). Bahagian ini mungkin dihasilkan dalam bermacam-macam bentuk, seperti elips di Iraq. *Raqma* kian berkurang penggunaannya bagi gambus moden orang Iraq.

Unsur Pembentukan Badan Rentetan (Bilah)

Bagi bahagian badan gambus, jenis kayu yang ringan menjadi pilihan utama. Bahagian ini terdiri daripada rentetan sebanyak 19 hingga 21 rusuk, disebut sebagai *alwah* yang bermaksud "papan" pada awal abad ke-10. Pada abad ke-19, bahagian badan ini disebut sebagai *qas'a* atau wadah yang bermaksud "mangkuk". Pada abad ke-14, Ibn Tahhan menyatakan bahawa antara pelbagai kayu yang sudah dicuba termasuk memilih kayu daripada kualiti aromatiknya (seperti kayu cendana) untuk dijadikan sebagai alat muzik ini. Kayu jenis walnut, *wenge*, mahogani, *rosewood*, *padauk*, *dalbergia spruceana* dan maple dipilih untuk bahagian mangkuk.

Kepingan Pemegang Bilah (Belakang)

Kepingan kayu pada bahagian paling hujung (belakang) di sebelah dalam berfungsi sebagai pemegang rentetan bilah yang disusun bagi penghasilan bahagian belakang badan.

Bongkah Pemegang Bilah (Hadapan)

Di bahagian hadapan, hujung rentetan bilah dilekatkan pada bongkah pemegang bagi tujuan yang sama seperti kepingan pemegang bilah (belakang). Bongkah ini juga berfungsi sebagai pemegang bagi bahagian leher atau bod jari.

Penutup dan Gelang

Sekeping kayu tipis berbentuk separuh bulat atau seperti helaian daun dilekatkan pada bahagian paling hujung rentetan di sebelah belakang (luar), bagi menutup bahagian tersebut supaya kelihatan kemas. Bagi bahagian paling hujung rentetan yang bersambung pada bahagian leher, kepingan jalur kayu tipis yang dikenali sebagai gelang dilekatkan bagi tujuan yang sama.

Unsur Pembentukan Pemegang Papan Jari

Bahagian papan jari ada masanya dipanjangkan di atas papan suara hingga lubang bunyi utama. Sebarang jenis kayu yang keras atau kayu jenis gelap, seperti kayu hitam, *African blackwood* dan *Malaysian nightwood*, sangat sesuai untuk digunakan pada bahagian bod jari, seperti yang dicadangkan penggunaannya dalam beberapa buku teks lama walaupun kayu jenis ini sangat sukar untuk dibentuk.

Leher

Leher, yang disambungkan ke bahagian badan gambus, dikenali sebagai *'unq* dalam penulisan klasik dan pada hari ini, lebih dikenali dengan nama *raqba* atau *zand* (pergelangan). Ukuran bagi bahagian leher gambus ini telah banyak dibicarakan kerana sangat penting dalam pembuatan alat muzik ini, bukan sahaja bagi mendapatkan bunyi yang lebih nyaring, tetapi juga bagi menentukan jumlah dan lokasi jarak sesuatu notasi yang akan mempengaruhi maqamat yang dimainkan.

Ambang

Antara bahagian lain, terdapat juga pengalas yang diperbuat daripada gading atau tulang yang disebut sebagai *anf* (hidung) atau *'ataba*

(ambang) yang terletak pada akhir bahagian atas leher sebelum membengkok ke dalam dan bersambung ke kotak kunci (yang diletakkan hampir di sudut sesiku pada leher gambus).

Unsur Kotak Kunci

Bahagian ini diperbuat daripada campuran bahan kayu lembut dan kayu keras yang diperkukuh antara satu sama lain pada bahagian tertentu. Kayu bagi bahagian belakang badan juga kadangkala digunakan.

Pucuk

Pucuk terletak pada bahagian paling hujung kotak kunci dan biasanya akan dihasilkan rekaan menarik, seperti paruh atau kepala burung, untuk hiasan.

Slot Kunci Laras

Setiap tali dilaraskan dengan menggunakan kunci laras yang dimasukkan ke dalam slot yang ditebuk pada kotak kunci. Cara melarasnya adalah dengan memutar kunci laras bagi melilit tali dengan kemas dan tersusun. Setiap tali perlu dielakkan daripada bersentuhan dengan tali lain bagi memastikan tidak ada geseran berlaku pada jangka masa panjang yang boleh mengurangkan tempoh hayat tali tersebut.

Kunci Laras

Kunci laras, yang diskrukan pada kotak kunci, disebut sebagai *mafatih* atau lebih umum sebagai *malawi* (lingkaran atau lipatan). Penalaan dapat disempurnakan dengan memusingkan rentetan kunci laras yang berada pada kotak kunci.

Alat Petikan Gambus Pemetik

Tali yang dibelit atau diperkuat secara pilin dipetik dengan pemetik


yang diperbuat daripada kepek bulu burung helang dan dipegang di antara ibu jari dengan jari telunjuk. Kulit kerang atau pemetik jenis plastik mungkin juga digunakan.


Kepak Burung Helang

Secara tradisinya, tali gambus dipetik dengan menggunakan kepek burung helang, yang dikenali di negara Arab sebagai *risha* dan *mizrap* di Turki. Kepak burung helang bukanlah mudah untuk didapati pada masa ini. Oleh itu, pemain abad ini beralih kepada bahan lain untuk menggantikan pemetik tradisional ini. Zeryab menggunakan paruh helang atau pelepas sayapnya bagi menggantikan pemetik jenis kayu.

Tanduk Kerbau

Kini kebanyakan pemain gambus profesional menggunakan





pemetik yang diperbuat daripada tanduk kerbau. Bahan ini sangat popular untuk menggantikan pemetik kepak burung helang yang kini sangat sukar untuk diperolehi kerana burung helang termasuk dalam kategori spesies terancam. Ketebalan dan kekerasan pemetik diambil kira untuk keselesaan setiap pemain gambus.

Plastik

Pada masa ini, pemain gambus lazimnya menggunakan pemetik yang diperbuat daripada plastik kerana bahan plastik mampu bertahan dengan lebih lama, tidak mudah haus, dan mudah dibentuk mengikut keselesaan masing-masing. Pemetik plastik juga sangat popular dalam kalangan pelajar baharu kerana kosnya yang murah dan mudah didapati. Jika semuanya sukar diperolehi, pemain boleh membentuk sendiri pemetik daripada botol plastik.

Tali Gambus

Sebagai komponen kelima utama bagi gambus, tali pada awalnya diperbuat daripada sutera. Kemudian tali jenis usus digunakan. Pada zaman ini, dua pasang tali paling bawah dihasilkan daripada nilon dengan ukuran tertentu. Tali ketiga daripada jenis sutera-nilon dibalut oleh logam nipis. Tali keempat hingga keenam dihasilkan daripada tembaga, perak atau aloi.

Pakaian

Bisht (jubah tradisional orang lelaki Arab) popular di Teluk Parsi dan sebahagian daripada negara Arab. *Bisht* ialah jubah labuh yang diperbuat daripada bulu yang disarung pada bahagian luar pakaian. Jubah lembut ini biasanya berwarna hitam, coklat, kuning air, putih kuning atau kelabu. Jubah ini biasanya dipakai dalam majlis berprestij yang istimewa, seperti persembahan konsert, majlis perkahwinan, dan keramaian seperti sambutan Aidilfitri, atau ketika bersembahyang Jumaat.

Prototaip Gambus Melayu

Gambus yang mempamerkan ciri tempatan yang bermutu tinggi yang dihasilkan dengan menggunakan kayu tempatan yang terbukti sesuai dengan keadaan cuaca di Asia Tenggara (panas dan lembab). Motif hiasan tempatan diperkenalkan melalui teknologi pembuatan terkini dari Turki. Gambus prototaip yang berpiawai antarabangsa ini dihasilkan untuk menjadi rujukan kepada penghasilan gambus oleh pembuat gambus di Malaysia.

Spesifikasi

Saiz: Kecil (Zenne)
Bracing/Chord: Malaysia
Mangkuk: Nyatuh (Asia Tenggara)
Papan jari (panjang): *Malaysian night/blackwood*
Leher: Nyatuh (Asia Tenggara)
Kotak kunci: Nyatuh (Asia Tenggara)
Kunci laras: *Malaysian night/blackwood*
Papan Suara: Sedar Kanada
(*French Polish Finish*)

Tatahan (Melayu)

- Bahan *inlay* papan jari: Kayu | Corak: Gunung (pemelehi pintu gerbang)
- Bahan plat penahan calar: Nyatuh | Bahan *inlay*: Kayu | Corak: Itik pulang petang
- Bahan *inlay* penutup belakang mangkuk: Kayu | Corak: Daun pengasuh
- Bahan hiasan kerawang: Kulit kerang ibu mutiara (Sabah) | Bahan kerawang: Lapisan dua kayu (Flora) | Corak: Flora

Kelebihan

- Hasil penyelidikan ahli pemikir dan pakar gambus.
- Penghasilan gambus yang mempamerkan ciri tempatan (Malaysia) yang bermutu tinggi.
- Penggunaan kayu tempatan yang terbukti sesuai dengan keadaan cuaca di Asia Tenggara (panas dan lembab).
- Langkah memperkenalkan motif hiasan tempatan.
- Penggunaan teknologi pembuatan terkini dari Turki.
- Langkah menjadi rujukan penghasilan gambus di Malaysia.
- Penghasilan gambus yang berpiawai antarabangsa.